

Article Info:

Received Date: 30 July 2019

Accepted Date: 03 September 2019

Published Date: 17 September 2019

Corresponding Author:

fiedaindran@gmail.com

Eksplorasi Lakaran Bertema Kenderaan Serta Kesan Terhadap Kreativiti Kanak-Kanak

Exploration Theme Of Sketches and Effects On Preschool Children's Creativity

Rofidah Musa,

Muhamad Firdaus Ramli,

Zainuddin Abindinhazir,

Norkhaizatul Erma Mohd Khairuddin

Fakulti Seni Komputeran dan Industri Kreatif,

Universiti Pendidikan Sultan Idris

fiedaindran@gmail.com

Abstrak

Kajian ini berkaitan dengan Eksplorasi lakaran secara bertema serta kesan terhadap kreativiti kanak-kanak prasekolah. Hasil kajian yang telah dijalankan, mendapati bahawa guru prasekolah menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran terbatas kepada tema yang telah ditetapkan. Guru kurang memberikan kebebasan kepada kanak-kanak dalam aktiviti melakar dan mereka tidak dapat membuat penerokaan yang menyeluruh. Ini akan memberikan kesan yang negatif terhadap perkembangan kreativiti kanak-kanak diperingkat prasekolah. Kajian ini telah dijalankan terhadap 25 orang kanak-kanak prasekolah di sekolah daerah Kuala Terengganu dengan menggunakan pendekatan lakaran bertemakan kenderaan. Hasil lakaran kanak-kanak dijadikan dokumen utama dalam proses analisis. Dapatan daripada kajian ini, menunjukkan bahawa kanak-kanak yang menghasilkan lakaran bertema, kurang menonjolkan kreativiti mereka. Ini adalah kerana masih kurang penguasaan terhadap asas lakaran, aktiviti atau latihan, sekaligus asas lakaran secara bertema yang diketengahkan telah menyekat kreativiti mereka dalam melakar.

Kata kunci lakaran, kreativiti, kanak-kanak


Abstract

This study relates to the exploration of the sketches and the importance of the creative of preschool children. The results of fieldwork have found that preschool teachers conduct limited teaching and learning activities and are limited to the theme set and the teacher gives less freedom to the children in the activity and they cannot make a comprehensive exploration. This will have a negative impact on the development of children's creativity at preschool level. This study was conducted on twenty-five preschoolers in a school in Kuala Terengganu district, using a vehicle themed sketch approach. Children's sketches become the main document in the process of analyzing. The findings from this study shows that children who produced the themed sketches, lacked their creativity. This is because of the lack of empowerment on the sketches, activities or exercise as well as the sketches highlighted themes have suppresses their creativity in art.

Keywords sketches, creativity, children

PENGENALAN


Dunia kanak-kanak di peringkat umur enam tahun, adalah begitu asing. Selain daripada ibu bapa dan ahli keluarga, guru merupakan individu yang rapat dengan mereka. Seharusnya ibu bapa dan guru perlu memainkan peranan penting dalam membimbing, supaya dapat menimba pengalaman hasil daripada penerokaan di sekeliling Arslan (2013), melalui Idayu Abdul Said, Mohd Nazri Abdul Rahman dan Mariani Md. Nor (2017), mendapati bahawa persekitaran sangat mempengaruhi seni yang ada dalam diri kanak-kanak. Maksud persekitaran disini termasuklah masyarakat sekeliling, pendidik dan keluarga. Selain daripada itu, persekitaran kelas, sekolah dan tempat tinggal juga merupakan aspek penting yang perlu dititik beratkan. Persekitaran kondusif membantu dalam memperolehi pengalaman dan pemerhatian bermakna. Menerusi penerokaan yang dilakukan dapat meluahkan pengalaman dan menterjemah penceritaan dalam bentuk visual yang kreatif dan melahirkan kreativiti semasa melakar. Penglibatan kanak-kanak khususnya berumur enam tahun dalam penghasilan lakaran, dapat memberikan pengalaman bermakna, selain melibatkan diri terhadap eksplorasi seni dan kreativiti seperti rajah 1.



Rajah 1: Eksplorasi lakaran bertemakan kenderaan


LAKARAN

Menurut Sue Dockett dan Bob Perry (2005), lakaran merupakan aktiviti normal sering diaplikasikan oleh kanak-kanak selain bebas meluahkan sesuatu yang mereka mahu melalui lukisan. Lakaran merupakan luahan minda kerana menerusi lakaran ini, kanak-kanak mampu menceritakan keperibadian diri mereka. Mereka mampu berkomunikasi dan membuat refleksi berdasarkan apa yang berlaku di persekitaran semasa proses melakar. Hasil lakaran memberi implikasi terhadap diri kanak-kanak, guru dan keluarga mereka. Malahan, lakaran merupakan alat yang telah berjaya memaparkan naratif dalam diri individu yang melakar. Lakaran kanak-kanak bukan sahaja dapat menonjolkan idea kepada orang lain, malah kanak-kanak juga dapat menerokai dunia mereka sendiri secara semulajadi. Justeru itu, penglibatan guru sebagai pembimbing serta pemerhati, secara tidak langsung dapat meningkatkan pemahaman, pemikiran dan keperluan terhadap kanak-kanak (Jessie Wright-Jackson, 2012). Bimbingan guru mampu merealisasikan dan meningkatkan pemahaman terhadap lakaran yang dihasilkan oleh kanak-kanak.



Rajah 2: Lakaran bertemakan kenderaan A

Menerusi hasil bimbingan guru, kanak-kanak dapat hasilkan lakaran seperti Rajah 2. Lakaran kanak-kanak mempunyai unsur garisan, kepelbagaian jenis garisan, simbol ⚡ menggambarkan cermin depan kereta. Selain daripada itu, imej lakaran yang dibuat menonjolkan rupa kenderaan iaitu kereta, penggunaan rupa bulat kepala manusia dan juga tayar kenderaan. Hasil lakaran secara sederhana namun, melalui lakaran ini dapat dinilai bahawa kanak-kanak memahami penggunaan garisan dan rupa. Manakala rajah 3 lakaran kanak-kanak dihasilkan dengan memberi penekanan terhadap garisan lurus, garisan beralun dan juga rupa bulat.



Rajah 3: Lakaran bertemakan kenderaan B

KREATIVITI

Setiap orang memiliki kreativiti yang tersendiri. Kanak-kanak memiliki kreativiti yang boleh dikembangkan melalui teknik pengajaran yang betul (Jaffri Hanafi, Sharulnizam Ramli & Sabzali Musa Kahn, 2014). Guru-guru mampu mengubah dan mengamalkan pemikiran yang berbeza dan ianya merupakan kaedah yang paling berkesan dalam merangsang kreativiti kanak-kanak (Karnes, McCoy, Zehrbach, Wollersheim, Clarizio, Costin & Stanley, 1961). Pemikiran yang kreatif perlu diwujudkan dan dikembangkan dalam kalangan murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran (Bahagian

Pembangunan Kurikulum, 2011). Selain daripada itu, teknik pengajaran dan juga pembelajaran juga penting dalam melahirkan kanak-kanak yang berkekrativiti tinggi.



Rajah 4: Lakaran bertemakan kenderaan C

Kreativiti adalah proses menghasilkan idea-idea yang baharu dan berkualiti tinggi. Seperti hasil lakaran dalam rajah 4, kanak-kanak berpotensi menghasilkan lakaran kenderaan mengikut tafsiran mereka dan mewarnakan lakaran kereta dengan warna campuran yang sangat kreatif. Pada peringkat umur kanak-kanak, lebih cenderung menjana kreativiti mereka melalui hubungan sosial dan bertindak balas terhadap persekitaran. Melalui bimbingan, dan tunjuk ajar yang betul oleh orang terdekat mampu menjadikan mereka lebih kreatif dan mampu menghasilkan sesuatu yang diluar jangkauan. Setiap individu memiliki potensi diri yang kreatif, tetapi ianya berbeza mengikut cara individu itu sendiri merealisasikan potensi sama ada secara meluas ataupun sebaliknya.

PENYATAAN MASALAH

Hasil kajian lapangan yang telah dijalankan mendapati bahawa guru prasekolah menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang terhad dan terbatas kepada tema yang telah ditetapkan. Ini secara tidak langsung menghalang perkembangan kreativiti kanak-kanak. Hal ini juga telah dikongsikan dalam kajian Kafol (2015), yang dijalankan terhadap persepsi guru prasekolah dan mendapati bahawa aktiviti seni dalam pendidikan awal kanak-kanak merupakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang hanya terbatas kepada hasil pembelajaran dalam kurikulum. Sebagai golongan professional, guru seharusnya memberi ruang kepada kanak-kanak untuk meneroka lakaran secara bebas.

Berdasarkan lapangan yang telah dibuat, didapati bahawa guru kurang memberikan kanak-kanak kebebasan dalam melakar dan kanak-kanak tidak dapat membuat penerokaan yang menyeluruh. Kanak-kanak perlu diberikan kebebasan menghasilkan lakaran dalam aktiviti seni. Menurut kajian oleh Altinkaynaka, Aydos dan Arman (2012) melalui Idayu Abdul Said (2017) mendapati bahawa pendidik haruslah memberikan peluang dan kebebasan kepada kanak-kanak untuk meneroka dalam bidang seni. Maka, melalui aktiviti seni guru dapat mencungkil bakat kanak-kanak. Selain itu, berdasarkan pemerhatian yang dijalankan guru kurang penguasaan terhadap lakaran. Natijahnya, murid memerlukan pengetahuan yang mendalam tentang lakaran supaya dapat memberikan kesan terhadap peningkatan kreativiti. Menurut Bahagian Pembangunan Kurikulum (2011), murid perlu dibekalkan dengan

pengetahuan, kemahiran dan alat yang membolehkan mereka membangunkan kreativiti dan memupuk sikap serta personaliti.



Rajah 5: Hasil lakaran cemerlang A

Rajah 5 menunjukkan hasil lakaran kanak-kanak yang mengaplikasi kepelbagaian jenis garisan pada lakaran kenderaan. Imajinasi yang tinggi dan didorong oleh bimbingan yang berkesan membolehkan kanak-kanak menghasilkan lakaran yang mempamerkan kreativiti tersendiri mengikut kehendak mereka.

Persoalan Kajian

Penulisan ini adalah untuk merungkai persoalan berikut iaitu:

- i. Adakah menerusi lakaran bertema dapat menonjolkan kreativiti dalam diri kanak-kanak?
- ii. Bagaimanakah penerokaan lakaran dapat membantu mengembangkan kreativiti kanak-kanak?

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan rekabentuk yang digunakan dalam kajian ini adalah rekabentuk kajian kes. Kajian kes bermaksud pengkaji mengeksplorasi sesuatu peristiwa, aktiviti, proses atau fenomena secara mendalam (Mohd Yusri Ibrahim, 2017). Kajian kes akan dapat menghasilkan satu pola terperinci tentang fenomena yang diselidik oleh pengkaji (Chua Yan Piaw, 2014). Kajian ini melibatkan 25 orang murid prasekolah, di sebuah sekolah di Negeri Terengganu sebagai kumpulan kajian. Pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis dokumen yang merujuk kepada hasil lakaran kanak-kanak.

Analisis dijalankan ke atas 25 lakaran dan dinilai berdasarkan pemahaman terhadap lakaran iaitu dari aspek garisan, rupa, jalinan, warna, ruang dan juga komposisi. Kajian ini hanya memperuntukkan satu tema yang perlu dilakar oleh kanak-kanak iaitu 'Kenderaan'. Kanak-kanak perlu menghasilkan lakaran kenderaan berdasarkan tema seperti mana yang telah diperuntukkan di dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Tema kenderaan dipilih kerana dapat menilai dengan lebih jelas kesan terhadap kreativiti kanak-kanak dalam aplikasi garisan, rupa, jalinan, ruang, warna dan juga komposisi. Rajah 6 yang dihasilkan di kategorikan sebagai cemerlang kerana menghasilkan lakaran kenderaan berdasarkan idea imiginatif mereka sendiri. Hasil gabungan garisan, rupa, jalinan, warna, ruang dan komposisi menarik menjadikan lakaran ini dikategorikan cemerlang di antara 25 lakaran kanak-kanak dalam kajian ini.



Rajah 6: Hasil lakaran cemerlang B

DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan yang diperolehi daripada kajian lakaran bertema yang dihasilkan oleh kanak-kanak menunjukkan bahawa, kanak-kanak terkesan dengan ‘tema’ yang diberikan. Seramai 25 orang kanak-kanak menghasilkan lakaran mereka berdasarkan tema yang ditetapkan seperti jadual 1.

Jadual 1: Hasil penilaian terhadap lakaran bertema yang mempunyai kreativiti dihasilkan oleh kanak-kanak.

Kanak-kanak	Kategori	Tugasan	Pemahaman					
			Pencapaian	Kenderaan	Garisan	Rupa	Jalinan	Ruang
1	Lemah	•	•	•	•	•	•	•
2	Lemah	•	•	•	•	•	•	•
3	Lemah	•	•	•	•	•	•	•
4	Lemah	•	•	•	•	•	•	•
5	Lemah	•	•	•	•	•	•	•
6	Lemah	•	•	•	•	•	•	•
7	Lemah	•	•	•	•	•	•	•
8	Lemah	•	•	•	•	•	•	•
9	Lemah	•	•	•	•	•	•	•
10	Lemah	•	•	•	•	•	•	•
11	Sederhana	•	•	•	•	•	•	•
12	Sederhana	•	•	•	•	•	•	•
13	Sederhana	•	•	•	•	•	•	•
14	Sederhana	•	•	•	•	•	•	•
15	Sederhana	•	•	•	•	•	•	•
16	Sederhana	•	•	•	•	•	•	•
17	Sederhana	•	•	•	•	•	•	•
18	Sederhana	•	•	•	•	•	•	•
19	Sederhana	•	•	•	•	•	•	•

20	Sederhana	•	•	•	•	•	•	•
21	Cemerlang	•	•	•	•	•	•	•
22	Cemerlang	•	•	•	•	•	•	•
23	Cemerlang	•	•	•	•	•	•	•
24	Cemerlang	•	•	•	•	•	•	•
25	Cemerlang	•	•	•	•	•	•	•

Dapatan daripada penilaian ini telah diasingkan mengikut tiga kategori utama iaitu lemah, sederhana dan cemerlang. Pengkaji membuat penilaian terhadap kepelbagaian jenis garisan, rupa yang diaplikasi, penggunaan warna pada imej, jalinan, ruang serta komposisi imej. Hanya sebilangan kanak-kanak yang mampu melakar imej berdasarkan tema yang mempunyai kesan kreativiti tersendiri. Setelah membuat penilaian, pengkaji mendapati bahawa lakaran bagi kategori lemah mempunyai penggunaan jenis garisan yang kurang menyerlah. Manakala rupa kenderaan juga kurang tepat dan tidak begitu menonjol. Penggunaan warna pada imej kurang menarik dan tiada unsur jalinan yang terdapat pada tayar kenderaan. Selain daripada itu, penggunaan ruang yang terhad dan komposisi kenderaan adalah tidak tepat. Namun, imej yang dihasilkan kelihatan tidak kemas, kurang menepati tema dan tidak fokus kepada kenderaan. Oleh kerana itu, kreativiti tidak dapat dikesan pada lakaran bertema yang dihasilkan oleh kanak - kanak dalam kajian ini seperti rajah 7.



Rajah 7: Lakaran bertema kategori lemah

Bagi kategori sederhana lakaran kanak-kanak didapati mengandungi penggunaan garisan yang lebih baik dan berkesan dalam menghasilkan rupa kenderaan. Unsur jalinan cuba diterapkan pada bahagian tayar, untuk menampakkan roda kenderaan. Sebahagian daripada lakaran kanak-kanak dalam kategori ini, menekankan penggunaan warna yang lebih ceria dan dalam komposisi yang lebih tepat. Kanak-kanak juga berjaya menghasilkan imej yang dilakar berdasarkan tema dengan lebih tepat dan menarik seperti lakaran pada rajah 8.



Rajah 8: Lakaran bertemakan kenderaan (sederhana)

Lakaran bertema yang dihasilkan oleh kanak-kanak bagi kategori cemerlang mempunyai garisan yang jelas dan lebih tepat terhadap lakaran imej kenderaan. Garisan yang diaplikasi terhadap imej lakaran kelihatan lebih berani, yakin dan menonjol. Kreativiti digambarkan oleh kanak-kanak dapat dinilai melalui penguasaan terhadap pengolahan kualiti garisan, pengolahan rupa kereta, penggunaan ruang dan komposisi imej. Pemilihan warna pada imej dalam lakaran bertema seperti rajah 9 menggunakan warna-warna yang terang.



Rajah 9: Lakaran bertema kategori cemerlang C

PERBINCANGAN

Analisis yang dijalankan ke atas 25 orang kanak-kanak mendapati bahawa terdapat eksplorasi lakaran bertema dan kesan terhadap kreativiti kanak-kanak. Namun, hasil analisis menunjukkan dengan jelas kreativiti kanak-kanak masih pada tahap yang rendah. Ini adalah kerana lakaran bertema diterapkan kepada kanak-kanak sebagai panduan telah menyekat perkembangan kreativiti semulajadi kanak-kanak secara tidak langsung. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa melalui lakaran kanak-kanak dapat menjana kreativiti mereka. Lakaran yang dihasilkan oleh kanak-kanak jelas menunjukkan kebolehan mereka menjana idea yang lebih kreatif jika tidak menyekat mereka dengan tema yang diberikan. Dengan

adanya tema, ianya secara tidak langsung telah menyekat kanak-kanak, kerana mereka tidak berasa bebas dalam menghasilkan lakaran dan merasakan lakaran yang dihasilkan perlu menepati tema. Tanpa memberikan kebebasan kepada kanak-kanak dalam melakar secara tidak langsung menumpulkan idea serta kreativiti mereka. Selain daripada itu, dalam proses menghasilkan lakaran kanak-kanak perlu mempunyai ilmu pengetahuan, serta bimbingan yang tepat. Menerusi bimbingan yang tepat akan melahirkan kanak-kanak yang mempunyai pengetahuan yang hebat, seterusnya menzahirkan kreativiti dalam setiap hasil lakaran mereka. Tanpa bimbingan dan tunjuk ajar guru dan kurangnya penerapan pengetahuan tentang lakaran akan menyukarkan kanak-kanak untuk merealisasikan imaginasi mereka ke atas kertas sebagai hasil lakaran. Seperti mana yang kita tahu bahawa kanak-kanak mempunyai banyak idea yang kreatif berdasarkan pemerhatian terhadap sesuatu perkara. Oleh kerana itu, kanak-kanak memerlukan bimbingan golongan dewasa bagi merealisasikan setiap idea yang mereka miliki.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kanak-kanak memerlukan ruang dan peluang untuk berkomunikasi dan menghasilkan lakaran supaya dapat menjana serta mengembangkan kreativiti. Kebebasan perlu diberikan supaya kanak-kanak tidak terikat dengan kehendak orang dewasa, yang mahukan kanak-kanak menghasilkan lakaran berdasarkan apa yang mereka inginkan. Selain daripada itu, bimbingan guru amat diperlukan dalam menjana perkembangan kreativiti kanak-kanak. Selain daripada itu, idea yang dimiliki kanak-kanak juga menerusi sokongan dan bimbingan yang berterusan, kanak-kanak mampu menghasilkan lakaran yang luar biasa. Penekanan unsur dan prinsip rekaan juga harus diterapkan dalam elemen pengajaran dan pembelajaran. Ini kerana kanak-kanak di peringkat pra sekolah lebih cepat menguasai elemen ini dan dapat diterapkan ke dalam lakaran. Kreativiti akan lahir dari lakaran bebas, serta mempunyai unsur kegembiraan dalam diri kanak-kanak. Keseronokkan kanak-kanak dalam menghasilkan lakaran, akan memberikan impak yang tinggi terhadap kreativiti.

RUJUKAN

- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2011). Buku panduan kreativiti pembanguna dan amalan dalam pengajaran & pembelajaran. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Barbara Sicherl Kafola, Olga Denach, & Jerneja Znidarsic. (2015). *Opinion of the slovenian preschool teachers about arts and cultural education in kindergarten*. 7th World Conference on Educational Sciences, (WCES-2015), 05-07 February 2015, Novotel Athens Convention Center, Athens, Greece.
- Chua Yan Piaw. (2014). *Kaedah penyelidikan*: Mc Graw Hill Education, Malaysia.
- Daniel Fasko. (2001). Education and Creativity. Jr. Bowling Green State University. Creativity research journal by 2000–2001, Vol. 13, Nos. 3 & 4, 317–327.
- Idayu Abdul Said, Mohd Nazri Abdul Rahman & Mariani Md. Nor. Analisis kandungan terhadap aktiviti seni bagi pendidikan awal kanak-kanak dalam jurnal terpilih dari tahun 2010-2016. Jurnal kurikulum & pengajaran Asia Pasifik. Januari 2017, Bil. 5, Isu 1.
- Jaffri Hanafi, Sharulnizam Ramli & Sabzali Musa Kahn. (2014). Kreativiti menerusi modul bertema: guru menjana atau menghalang perkembangan kreativiti kanak-kanak?. Jurnal pengajian melayu, Jilid 24.
- Jessie Wright-Jackson. (2012). Visible Ideas: Communication and learning through drawing in the early childhood setting.
- Karnes, M. B., McCoy, G.F. Zehrbach, R.R., Wollersheim, J. P., Clarizio, H.F. Costin, L & Stanley, L.S. (1961). Factors associated with under achievement and over achievement of intellectually gifted children. Champaign, IL: Champaign Community Unit Schools.
- Mohd Yusri Ibrahim. (2017). Sembang santai penyelidikan : Bandar Ilmu. Sue Dockett & Bob Perry. (2005). Children's drawings:experiences and expectations of school journal: international journal of equity and innovation in early childhood ISSN: 1448-6318.
- Yahya Buntat, Mat Nasir & Noor Sharliana. (2011). Faktor-faktor yang mendorong kreativiti di kalangan pelajar, Universiti Teknologi Malaysia. Journal of educational psychology and counseling, 2(7), 175-208. ISSN: 2231735x.